



REKAAN Landskap Sekolah Seni(FKSW).

(kiri) PANDANGAN dari bangunan Canselori.

Konsep 'kampus dalam taman' UMS simbol ketenangan

Oleh **ABDUL RAHMAN JALIMIN**
(Pelatih UMS)

KAWASAN desa tidak dinafikan dapat memberi keselesaan kerana memiliki kekayaan tumbuhan semulajadi berbanding kawasan bandar yang padat dengan bangunan tinggi.

Hijau seringkali dikaitkan dengan ketenangan yang menjanjikan keselesaan dan sentiasa terjamin dalam hal psikologi.

Suasana kehijauan itulah yang telah mendorong kepada idea asal penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi konsep 'kampus dalam taman' yang kini beralih kepada Eco Campus dengan mengekalkan konsep tumbuhan hijau.

Pegawai Arkitek UMS Sanjay Hassan, 39, berkata warna hijau merupakan simbol ketenangan, mempengaruhi kesan psikologi melalui keadaan persekitaran.

Menurutnya, setiap kawasan di UMS memiliki konsep tumbuhan hijau seperti penanaman tumbuhan serta pokok malahan kawasan kompleks pun masih mengekalkan ciri-cirinya walaupun tidak setanding yang lain.

Jelasnya, UMS berbeza seperti institusi pengajian yang lain kerana ia lebih santai dan terbuka luas serta tidak terlalu padat.

Ya kerana katanya, konsep kampus dalam taman ini adalah langkah untuk mengekalkan landskap yang sedia ada mengikut objektif penubuhan yang terkandung.

"Walaupun Eco Campus merupakan konsep yang baharu namun ciri-cirinya masih mengekalkan persekitaran semulajadi yang sedia ada seiring dengan pembangunan moden masa kini.

"Antara program dilakukan yang melalui tema Eco Campus adalah pengurangan penggunaan kertas, penjimatan elektrik serta budaya berbasikal," katanya.



SANJAY



JAYFRE JOE



ZAIROL

Jabatan Kerja Raya tamat, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS telah mengambil alih dan menambahbaik landskap UMS yang sedia ada," katanya.

Terdapat beberapa syarikat yang dilantik menjaga kualiti landskap mengikut kawasan yang dibahagikan oleh pihak UMS.

Setiap syarikat berkenaan akan mengeluarkan pekerjaannya yang ditugaskan mengekalkan kualiti konsep institusi pengajian itu.

Tinjauan *Utusan Borneo* mendapati kebanyakan mahasiswa UMS memberi reaksi positif mengenai landskap institut pengajian tinggi berkenaan.


Zairol Hafiz, 23, yang berasal dari Semenanjung berkata, persekitaran UMS sangat luas dan tidak terlalu padat jaraknya antara bangunan untuk setiap kawasan.

Katanya, kali pertama datang ke UMS, dia sangat kagum dengan landskap universiti itu kerana persekitarannya dikelilingi oleh pokok-pokok serta bunga-bunga yang cantik. "Ya tidak membosankan kerana banyak tempat boleh



BANGUNAN Pejabat Canselori UMS.

BULATAN utama UMS.



JAMAIYAH



CILOYRAIN JENNYFER

Sanjay berkata, langkah itu diambil supaya mahasiwa akan lebih prihatin terhadap alam sekitar, di samping memberi impak yang baik sepanjang proses pembelajaran.

"Keselesaan hidup di kampung dan di bandar merupakan ungkapan jawapan konsep pada Eco Campus yang menjamin kesejahteraan.

"Bagaimana pula pilihan di kawasan dipenuhi tumbuhan hijau dan padang pasir yang memanas untuk proses pembelajaran?" katanya.

Jelasnya, UMS merupakan institusi awam yang kesembilan ditubuhkan dan mendapat pujian kerana konsep landskap membabitkan tumbuhan pokok seperti jati meranti, sentang dan pokok malam, yang menjadikan ia seakan berada di rimba.

Menurut Sanjay, terdapat juga beberapa gubahan konsep menunjukkan identiti Sabah yang kaya dengan tumbuh-tumbuhan. "Sebagai contoh, pada

bulatan utama UMS, mereka memasukkan konsep bentuk bunga Rafflesia dalam gubahan landskapnya.

"Penggunaan flora itu dijadikan bahan utama untuk mencapai konsep kampus dalam taman dengan mengekalkan konsep tumbuhan hijau yang sedia ada.

"Sebenarnya, ia bukan sekadar perhiasan semata-mata tetapi langkah untuk memberi keselesaan kepada mahasiswa UMS serta langkah menarik minat untuk belajar," jelasnya.

Katanya lagi, idea asal penubuhan UMS adalah daripada mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menginginkan negeri Sabah memiliki satu universiti tempatan.

"Segala pembuatan latar landskap UMS ini dikelola oleh Jabatan Kerja Raya pada mula penubuhannya, dengan dibantu oleh konsultan yang telah dilantik.

"Selepas kontrak

dilawat dan ada juga tempat untuk rekreasi.

"Saya sangat selesa dengan keadaannya, kerana UMS memiliki ruang landskap yang luas dan tidak sempit malahan terdapat banyak tempat riadah yang disediakan untuk dinikmati," katanya.

Manakala, Ciloyrain Jennyfer Paulus, 23, pula berkata, UMS tidak membosankan kerana banyak kawasan boleh dilawati, lagipun UMS mempunyai pantai yang tersendiri.

Katanya, banyak manfaat yang boleh diperolehi daripada landskap UMS, seperti suasana pemandangannya memberi ketenangan, tidak terlalu bising, menyihatkan dan sesuai dengan suasana pembelajaran.

Jelasnya, sebagai seorang mahasiswa, suasana landskap sebenarnya mempengaruhi minat belajar kerana ruang yang sempit menambahkan lagi gejala stres.

Sebagai mahasiswa UMS, Jamaiyah Shamsuddin, 24, berkata, UMS perlu mewujudkan tempat pelancongan mahasiswa serta pelancong asing.

"UMS memiliki landskap yang begitu baik, saya sebagai rakyat Sabah amat berbangga dengan UMS yang dikelilingi oleh tumbuhan hijau.


"Keadaan landskap menjanjikan ketenangan dan dengan keadaan landskap yang menghijau, pihak UMS sepatutnya mewujudkan taman pertanian meliputi pelbagai tumbuhan di Sabah," katanya.

untuk melakukan aktiviti kesihatan agar dapat melahirkan mahasiswa yang sihat dan cergas," katanya.

Menurut Jayfre Joe Japrin, 23, UMS perlu mewujudkan tempat pelancongan mahasiswa serta pelancong asing.

"UMS memiliki landskap yang begitu baik, saya sebagai rakyat Sabah amat berbangga dengan UMS yang dikelilingi oleh tumbuhan hijau.

"Keadaan landskap menjanjikan ketenangan dan dengan keadaan landskap yang menghijau, pihak UMS sepatutnya mewujudkan taman pertanian meliputi pelbagai tumbuhan di Sabah," katanya.



DEWAN Canselori UMS.



FAKULTI Kejuruteraan.



LALUAN pintu utama UMS.



DEWAN Sukan UMS.



LALUAN masuk ke Dewan Canselori.